

Universiti Awam dan SDG 2030: Memahami Peranan Universiti Awam Sebagai Badan Berkanun dalam Melaksana SDG 2030

(Public Universities and SDG 2030: Understanding the Role of the University as a Statutory Body in Implementing SDG 2030)

Khadijah Supaat¹, Sarah Aziz^{2*}

¹Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: dasn19762002@gmail.com

²Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: dasn19762002@gmail.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Sarah Aziz

(dasn19762002@gmail.com)

KATA KUNCI:

Badan berkanun
Pembangunan lestari
Pendidikan tinggi
Pentadbiran awam
SDG
Universiti

KEYWORDS:

Higher education
Public administration
SDG
Statutory body
Sustainable development
University

CITATION:

Khadijah Supaat, & Sarah Aziz. (2025).
Universiti Awam dan SDG 2030: Memahami
Peranan Universiti Awam Sebagai Badan
Berkanun dalam Melaksana SDG 2030.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 10(1), e003208.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i1.3208>

ABSTRAK

Dunia masih jauh dari landasan untuk merealisasikan SDG 2030. Segala usaha mempertingkatkan kemajuan pendidikan boleh menjadi pemangkin untuk mencapai aspirasi negara berkaitan SDG 2030 dan universiti awam berada dalam kedudukan yang unik untuk membentuk generasi muda dan menyumbang kepada kemajuan sains, teknologi dan inovasi. Menerima pakai pendekatan keseluruhan negara (*whole of nation*) dalam RMKe-12, universiti awam di Malaysia telah meneruskan usaha yang proaktif dengan merancang dan melaksanakan inisiatif kelestarian yang lebih bersepadu untuk mencapai SDG 2030. Dari perspektif universiti awam sebagai badan berkanun, timbul persoalan adakah inisiatif kelestarian universiti awam perlu dilaksanakan sejajar dengan aspirasi negara dan dirangkum dalam laporan negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui *Malaysia Voluntary National Review*? Melalui kaedah kajian analisis kandungan, peranan universiti awam sebagai badan berkanun dalam pelaksanaan SDG 2030 disemak. Universiti awam sebagai badan berkanun berperanan menyokong dan melaksanakan dasar dan program kerajaan persekutuan, bertanggungjawab memastikan dasar dan aktiviti universiti selari dengan SDG 2030 negara. Ini selaras dengan strategi kerajaan untuk meningkatkan pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole of government*) di mana semua agensi perkhidmatan awam termasuk universiti awam sebagai badan berkanun perlu digerakkan ke arah SDG 2030.

ABSTRACT

The world is still a long way off from achieving the SDG 2030. Efforts to advance higher education can serve as a

catalyst towards meeting SDG 2030 aspirations and universities are in a unique position to shape the young generation and contribute to the growing corpus of science, technology, and innovation. By adopting a whole of nation approach as advocated in the 12th Malaysian Plan, public universities in Malaysia have continued to take innovative approaches though the planning and implementation of more integrated sustainability initiatives to meet the aspirations of SDG 2030. From the perspective of public universities as statutory bodies in implementing the national agenda, the question arises whether these public university initiatives need to or should be aligned to national aspirations for SDG 2030 and be included in the Malaysia Voluntary National Review to the United Nations? Through the method of content analysis, the role of public universities as a statutory body in the implementation of SDG 2030 is studied. Public universities as statutory bodies have the role of supporting and implementing the policies and programs of the federal government, responsible for ensuring that university policies and activities are in line with the country's SDG 2030. This is in line with the government's strategy to improve the whole government approach where all public service agencies including public universities as statutory bodies can support the implementation of SDG 2030.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan kajian ini mendapati pendekatan semasa pelaksanaan SDG 2030 oleh universiti awam tidak dilihat dari perspektif sebuah badan berkanun yang merupakan sebahagian dari jentera kerajaan. Peranan universiti awam sebagai badan berkanun boleh diperhalusi untuk memastikan IPTA dapat menyumbang kepada aspirasi dan pelaporan negara.

1. Pengenalan

The Sustainable Development Goals Report 2024 mendedahkan bahawa dunia masih jauh dari landasan untuk merealisasikan SDG 2030. Salah satu ancaman besar yang akan menjejaskan pencapaian SDG 2030 ialah pendidikan yang menjadi asas pembangunan lestari apabila banyak negara mengalami kemerosotan dalam kemahiran matematik dan membaca (*United Nation [UN], 2024b*). Segala usaha mesti dipergiat untuk memacu SDG 2030 ke landasan yang betul dan mempertingkatkan kemajuan pendidikan boleh menjadi pemangkin untuk mencapai keseluruhan SDG 2030 (*UN, 2024b*).

Universiti telah lama menjadi tunjang pendidikan untuk kemajuan dan kelestarian manusia (*Raji & Hassan, 2021*). Ini meletakkan universiti sebagai pemain penting dalam mempromosi prinsip kelestarian dan menyumbang kepada anjakan paradigma ke arah dunia yang lebih lestari (*Disterheft et al., 2013*) serta mengurangkan impak kepada alam sekitar (*Roslan, 2023*).

Secara tradisinya, universiti berfungsi sebagai platform bagi individu untuk menuntut ilmu dan memperoleh kemahiran akademik dalam pelbagai disiplin pengajian (*Noor Azizah et al., 2022*). Namun universiti bukan lagi sekadar institusi pengajian tinggi dan penyelidikan yang menganugerah ijazah tetapi universiti adalah pusat yang

membangunkan warganegara yang bertanggungjawab (Raji & Hassan, 2021) dan berperanan membentuk masa depan dengan menyediakan individu untuk memenuhi tuntutan dunia yang semakin pantas berubah (Abd Rahman Ahmad et al., 2023).

Pembangunan lestari memerlukan pendekatan penyelesaian masalah rangkaian yang melibatkan universiti, perniagaan, pertubuhan bukan kerajaan, kerajaan dan terutamanya golongan muda, yang sepatutnya menjadi pakar dan pemimpin dalam era baharu dan mencabar (Sachs, 2012). Golongan muda diiktiraf sebagai aktor sosial dan moral dan diterima sepenuhnya sebagai ahli masyarakat yang demokratik (Borojević et al., 2023). Generasi muda boleh memainkan peranan penting dalam menangani kelestarian dengan memahami dan melaksanakan pendekatan holistik dan trans-disiplin yang menangani semua dimensi kelestarian dan hubungan antara dimensi (Sonetti et al., 2016). Memandangkan generasi muda hari ini akan membentuk majoriti tenaga kerja pada tahun 2030, diharapkan mereka akan bekerja keras untuk membina masa depan yang lestari dan menyumbang secara signifikan kepada pencapaian SDG 2030 (Yamane & Kaneko, 2021). Dalam hal ini, universiti memainkan peranan dalam membentuk profil profesional generasi akan datang dengan pengetahuan, kemahiran dan motivasi yang diperlukan untuk menyumbang kepada pencapaian SDG 2030 (*Sustainable Development Solutions Network* [SDSN], 2017).

Sains, teknologi dan inovasi (STI) dilihat memainkan peranan penting dalam membina masa depan yang lebih berdaya tahan, lestari dan inklusif (Okoye et al., 2022) dan dikenal pasti sebagai alat utama untuk pelaksanaan SDG (UN, 2015). Mengaplikasi sains, teknologi dan inovasi untuk agenda pembangunan lestari memerlukan kapasiti saintifik dan teknologi (UN, 2017). Dasar STI baharu diperlukan untuk menangani perubahan iklim, mengukuhkan sistem makanan, meningkatkan daya tahan ekonomi, dan mengekalkan pertumbuhan jangka panjang, terutamanya di negara berpendapatan rendah dan sederhana (Adenle et al., 2023). Dalam konteks ini, peranan universiti adalah menjadi sumber penting bagi banyak idea baharu dalam sains dan teknologi yang menyumbang kepada inovasi (Pálsdóttir & Jóhannsdóttir, 2021). Pendidikan tinggi akan menjadi kritikal untuk penerusan aktiviti penyelidikan asas dan gunaan (Soete, 2018).

2. Sorotan Literatur

2.1. Universiti dan SDG 2030

Universiti berada dalam kedudukan yang unik untuk mempromosikan komuniti lestari yang memberi kesan kepada dunia sebenar (Filho e tal., 2024). Untuk mencapai semua SDG 2030 yang merangkumi pelbagai cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar yang saling berkaitan, universiti mesti menyumbang secara signifikan dengan lebih meluas (SDSN, 2017). Menurut UNESCO (2022), “...it is time for universities and, more broadly, higher education institutions (HEIs) to systematically rethink their role in society, their key missions, and how they could serve as catalysts for the necessarily fast transition towards sustainability that is required”. Antara peranan utama universiti untuk mencapai SDG 2030 ialah (1) menjana pengetahuan dan penyelesaian dan memacu kemajuan teknologi dan masyarakat, (2) membangunkan kemahiran dan keupayaan profesional dan peribadi pelaksana SDG semasa dan masa hadapan, (3) melaksanakan prinsip SDG dalam tadbir urus, operasi dan budaya universiti dan (4) mengambil alih peranan kepimpinan dalam pelaksanaan SDG 2030 merentasi sektor (SDSN, 2017). Universiti boleh menyumbang kepada pencapaian SDG 2030 melalui pendekatan keseluruhan universiti keseluruhan institusi (*whole of institution*) (Kohl et al., 2021) dan merangkumi

aktiviti teras universiti iaitu (1) pendidikan, (2) penyelidikan, (3) jangkauan masyarakat dan (4) operasi (Omazic & Zunk, 2021).

2.2. Universiti Malaysia dan SDG 2030


Menyahut tuntutan global ke arah pembangunan lestari, universiti awam Malaysia mula melaksanakan inisiatif kelestarian seawal tahun 1994 dengan menubuhkan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Nur Yasmin et al., 2019). Universiti-universiti awam terus bergerak ke arah kelestarian namun pada tahap yang berbeza meliputi lima rubrik utama iaitu 1) Kelestarian dalam Dasar, Perancangan dan Pentadbiran; 2) Kursus Lestari dan Kurikulum; 3) Penyelidikan Lestari dan Basiswa; 4) Operasi Lestari; dan 5) Jangkauan dan Perkhidmatan Lestari (Omidreza et al., 2009).

Kini, mereka mengambil langkah lebih proaktif dengan merencana dan melaksana inisiatif-inisiatif kelestarian yang lebih bersepadu seperti Kampus Lestari (Norfadillah et al., 2012; UKM, 2022), *Net Zero Carbon Campus* (Universiti Teknologi Malaysia [UTM], 2023), *Eco-Campus* (Universiti Malaya [UM], 2016) dan Kampus Sejahtera (Universiti Sains Malaysia [USM], 2008; Mohd Fairus & Nadhrah, 2021) dalam usaha mencapai SDG 2030. Mereka juga turut menyertai program penarafan seperti *UI GreenMetric World University Ranking* untuk mengukur kelestarian universiti dan terkini *The Times Higher Education Impact Rankings* untuk menilai prestasi SDG 2030 berbanding universiti global. Pengiktirafan universiti melalui inisiatif kelestarian menjadi pemacu penting yang merangsang daya saing di arena antarabangsa (Ng et al., 2019).

2.3. Universiti, Pentadbiran Awam Malaysia dan SDG 2030

Universiti awam Malaysia merupakan badan berkanun (Fariza et al., 2013; Hasbollah & Ramalinggam, 2022). Badan berkanun merujuk kepada mana-mana badan yang telah diperbadankan oleh undang-undang Persekutuan (Hasbollah & Ramalinggam, 2022) yang juga sebahagian daripada jentera pentadbiran awam yang melaksana segala dasar dan program yang telah dibentuk oleh kerajaan (Lihat Rajah 1). Badan berkanun beroperasi atas prinsip yang sama seperti fungsi organisasi kerajaan yang lain dan tertakluk kepada pengawasan eksekutif dan perundangan (Nurhidayah et al., 2019). Keseluruhan perkhidmatan awam akan berada di bawah hanya satu kerangka iaitu mengikut aspirasi kerajaan yang memerintah (Saadon, 2006).

Rajah 1: Struktur Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia



Sumber: Adaptasi dari Engku Ismail et al. (2006) dan Fatimah et al. (2005)

Kerajaan Malaysia telah menyatakan komitmen pembangunan negara akan terus dijarjar kepada SDG 2030 di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) melalui pendekatan

keseluruhan negara dalam pelaksanaan SDG 2030 (Unit Perancang Ekonomi, 2021). Pendekatan keseluruhan negara adalah bersifat usaha kolaboratif dan bersepadu melibatkan semua segmen kerajaan dan masyarakat (Hsieh et al., 2021) untuk memastikan penyertaan yang lebih meluas daripada semua pihak berkepentingan dalam penggubalan pelan tindakan dan pelaksanaan SDG 2030. Beberapa inisiatif pelaksanaan SDG 2030 telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia termasuk penubuhan Majlis SDG Kebangsaan, menganjurkan beberapa simposium SDG kebangsaan dan menggubal Pelan Hala Tuju SDG Kebangsaan (Mohd Idham & Mariani, 2020). Pencapaian pelaksanaan SDG 2030 Malaysia dilaporkan di dalam *Malaysia Voluntary National Review* iaitu dokumen rasmi kerajaan yang melaporkan kemajuan pelaksanaan SDG 2030 negara di High Political Level Forum UN pada tahun 2017 dan 2021. Pelbagai pihak terlibat dalam pelaporan SDG 2030 terutamanya penyertaan daripada negeri, agensi kerajaan, bukan pertubuhan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan sektor swasta (Mohd Idham & Mariani, 2020).

Dari perspektif universiti sebagai badan berkanun, timbul persoalan adakah inisiatif kelestarian universiti awam perlu dilaksanakan sejajar dengan aspirasi negara dan dirangkum dalam laporan negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui *Malaysia Voluntary National Review*? Untuk menjawab persoalan yang timbul, artikel ini menyemak peranan universiti awam sebagai badan berkanun dalam melaksanakan SDG 2030 seperti yang diharapkan oleh kerajaan dalam RMKe-12. Artikel ini juga berhasrat memahami bagaimana universiti sebagai badan berkanun melaksanakan dasar dan strategi kerajaan berkaitan SDG 2030, seterusnya menyumbang kepada wacana berterusan mengenai pelaksanaan SDG 2030 di universiti.

3. Metod Kajian

Analisis kandungan ialah teknik kajian untuk membuat kesimpulan daripada teks dan sumber lain yang bermakna kepada konteks penggunaannya (Krippendorff, 2004). Teknik analisis kandungan membolehkan pelbagai data diringkaskan ke dalam kategori tertentu untuk dianalisis dan ditafsir dengan lebih baik (Harwood & Garry, 2003). Rasional untuk menggunakan analisis kandungan adalah untuk mengupas semua makna dan tafsiran peranan universiti awam sebagai badan berkanun dalam melaksanakan SDG 2030 daripada sumber data termasuk dokumen, buku dan artikel jurnal.

Kajian ini mengadaptasi kaedah pemilihan atau persampelan artikel yang diguna pakai oleh Duriiau et al. (2007) dan Rashidi et al. (2014). Sumber data dipilih berpandukan kepada kata kunci dan melibatkan dua peringkat. Pertama, carian artikel berkaitan dijalankan di pengkalan data *Scopus*, *Web of Sciences*, *Google Scholar* dan *Malaysian Academic Library Institutional Repository* dengan menggunakan kata kunci 'universiti', 'pendidikan tinggi', 'badan berkanun', 'pentadbiran awam', 'pembangunan lestari' dan 'SDG'.

Senarai rujukan artikel yang diperoleh melalui carian awal disemak untuk meninjau kajian dan artikel tambahan. Pemilihan sumber data kajian adalah berfokus kepada situasi di Malaysia. Dengan merujuk kepada kaedah kajian oleh Abdul Rashid et al. (2023), tinjauan setiap artikel dan dokumen yang berkaitan telah dipertimbangkan dalam mengenal pasti unit semantik dan pengekodan awal. Antara kata kunci yang digunakan dalam tinjauan artikel dan dokumen ialah berkaitan 'pendidikan', 'penyelidikan', 'jangkauan', 'sosial', 'tadbir urus', 'operasi', 'pelaksanaan', dan 'pelaporan,

Selepas analisis, kod utama berkaitan peranan universiti dan badan berkanun dapat dikenal pasti.

4. Hasil Kajian

4.1. Evolusi Peranan Universiti

Konsep universiti sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran telah wujud semasa penubuhan *Nalanda* di India pada abad ke-6, *Akademy* di Athen pada abad ke-4 dan *madrasah* di Maghribi pada abad ke-8 (Chang et al., 2015). Namun, institusi pertama yang digelar sebagai universiti adalah Universiti Bologna yang ditubuhkan pada tahun 1088.

Universiti sebagai pusat penyelidikan bermula pada abad ke-19 yang diasaskan oleh Universiti Jerman dengan menubuhkan makmal saintifik pertama (Scott, 2006). Universiti dengan misi penyelidikan telah mempengaruhi perkembangan universiti di Amerika Syarikat serta banyak negara lain (Nasiibah et al., 2013) dan universiti AS dianggap terkehadapan dengan model universiti penyelidikan yang berjaya.

Selepas 1980-an, titik perubahan evolusi peranan universiti dalam masyarakat diwakili oleh kemunculan misi ketiga (Compagnucci & Spigarelli, 2020), yang merujuk kepada peralihan ke arah lebih banyak aktiviti ekonomi dalam bentuk pengkomersilan ilmu sebagai tugas tambahan (Guenther & Wagner, 2008). Terdapat dua fungsi makro misi ketiga iaitu: (1) untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan mentransformasi pengetahuan yang dibangunkan oleh penyelidikan kepada aplikasi pengetahuan untuk tujuan produktif dan (2) untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat misi budaya dan sosial, di mana pengetahuan dihasilkan (Irene et al., 2020).

Kini, globalisasi, perubahan demografi, revolusi IT dan kebangkitan ekonomi pengetahuan adalah pemacu perubahan kontemporari yang membentuk masyarakat berpengetahuan baharu (Maric, 2013). Bagi menangani isu yang dihadapi oleh masyarakat kontemporari dengan lebih baik, peranan universiti dan nilai yang dipromosi perlu diubah (Stoian et al., 2021). Antara peranan terpenting universiti dalam konteks baharu ini ialah mewujudkan 'pelaksana SDG' semasa dan masa hadapan dengan mempengaruhi pandangan dunia dan sikap pelajar terhadap kelestarian dan menyumbang kepada perubahan sosial yang lebih mendalam (Setó-Pamies & Papaioikonomou, 2020).

4.2. Peranan Universiti Era SDG 2030

4.2.1. Pendidikan

Melalui pendidikan, pelajar diharapkan mempunyai pandangan holistik tentang masalah dan kemungkinan-kemungkinan penyelesaian untuk menangani SDG 2030 dengan menyediakan lebih banyak program pengajian interdisiplin dan transdisiplin berkaitan SDG 2030 (UNESCO, 2022). Ini bermakna pelajar harus dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, motivasi dan kreativiti untuk menangani SDG 2030 dan situasi ini memerlukan kepada penyediaan kepakaran akademik dan vokasional yang mendalam untuk menyelesaikan masalah dalam realiti kehidupan sebenar (Filho et al., 2021).

4.2.2. Penyelidikan

Bagi menangani SDG 2030, universiti berperanan mencipta pengetahuan dan teknologi terkini dengan menjalankan penyelidikan yang paling inovatif (UNESCO, 2023). Penyelidikan berkaitan kelestarian dan SDG 2030 melibatkan penyelidikan interdisiplin dan transdisiplin yang berorientasikan penyelesaian kepada keperluan masyarakat (Filho et al., 2017) untuk menangani masalah kompleks masyarakat moden (Menon & Suresh, 2020). Universiti perlu terus mengembangkan kebebasan akademik untuk menggalakkan perubahan sistemik, dengan tumpuan kepada cabaran SDG, menghimpunkan pelbagai disiplin dan peralihan ke arah penghasilan pengetahuan bersama masyarakat yang pelbagai (UNESCO, 2022).

4.2.3. Jangkauan Masyarakat

Masalah kelestarian yang begitu rumit melibatkan pelbagai bidang sosial, ekonomi, teknologi, politik, budaya dan alam sekitar telah mewujudkan fungsi universiti 'penciptaan bersama' (*co-creation*), iaitu bekerjasama dengan pelbagai aktor sosial untuk mencipta transformasi masyarakat dengan matlamat merealisasikan pembangunan lestari mengikut spesifik lokasi, wilayah atau subsektor masyarakat (Trencher et al., 2013; Trencher et al., 2017). Keterlibatan universiti dalam masyarakat perlu diperluas ke arah memberi nasihat dasar, penglibatan dalam projek kemasyarakatan untuk kelestarian dan mewujudkan rangkaian antara pelbagai pihak berkepentingan merangkumi domain politik, ekonomi, perundangan dan masyarakat melalui advokasi, reka bentuk dasar, eksperimen sosial, aplikasi inovasi dan pemindahan teknologi (UNESCO, 2022). Hubungan kerajaan-universiti yang kukuh akan menjayakan strategi kampus lestari (Er & Catherine, 2012).

4.2.4. Operasi

Kampus universiti biasanya merupakan sistem yang sangat besar yang menempatkan pelbagai bangunan, infrastruktur dan ruang luar, ibarat komuniti kecil atau daerah bandar dengan ciri dan masalah morfologi yang serupa (Amaral et al., 2021). Aktiviti yang berlaku di kampus menggunakan tenaga dan sumber yang banyak serta menghasilkan sisa yang boleh memberi impak yang besar kepada alam sekitar (Alshuwaikhat & Abubakar, 2008). Oleh itu, penting bagi universiti mengintegrasikan amalan kelestarian di dalam membuat keputusan dan operasi universiti supaya dapat mengekalkan dan melindungi persekitaran universiti sambil menyokong pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial masyarakat (Akbulut-Bailey et al., 2011). Kewajipan 'memimpin melalui teladan' dan menjadi institusi berwibawa, universiti harus bertanggungjawab dan bertindak balas terhadap isu kelestarian dalam pengurusan kampus yang merangkumi pelbagai sumber alam dan sumber manusia (Amaral, 2015; Sonetti et al., 2016).

4.2.5. Memperkasa Belia

Universiti mempunyai komuniti yang majoritinya adalah belia dan berupaya membantu memperkasa belia atau generasi muda melalui pendidikan dan penyelidikan. Individu yang berpeluang meneruskan pendidikan yang lebih tinggi berupaya memperoleh kelayakan dan kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan pada masa hadapan dan meluaskan pilihan kerjaya mereka serta lebih cenderung untuk mencari pekerjaan dengan faedah yang lebih baik (Ashida, 2022). Belia perlu didengari dan diberi ruang

kerjasama untuk memenuhi keperluan dan aspirasi golongan belia serta melibatkan diri dalam keputusan yang membentuk kehidupan belia (UN, 2024a). Universiti boleh menawarkan peluang ini kepada belia dengan menggalakkan kelab dan persatuan pelajar untuk melibatkan diri dengan SDG, mempromosikan aktiviti sukarelawan pelajar yang menangani SDG dan menyokong pelajar untuk melibatkan diri dalam program kepimpinan nasional dan global untuk golongan muda dalam SDG (SDSN, 2017).

4.2.6. Menyumbang kepada pembinaan kapasiti STI

Penyelesaian STI untuk SDG2030 adalah seperti infrastruktur, pertanian dan sistem pengagihan makanan yang dipertingkatkan. Mengambil maklum STI sebagai alat utama untuk mempercepat pelaksanaan SDG 2030 (UN, 2024a), universiti boleh menyumbang kepada pembinaan kapasiti STI melalui aktiviti penyelidikan, penciptaan pengetahuan dan inovasi merentasi bidang sains fizikal, sains sosial, sains bioperubatan, kejuruteraan, dan kemanusiaan. Universiti berupaya mewujudkan ruang untuk penerokaan idea terbuka dengan pihak berkepentingan yang berbeza dalam pelbagai bidang (Vidican, 2009) dan boleh mengembangkan peranan mereka sebagai hab inovasi untuk menyokong dan menjadi tuan rumah perniagaan (SDSN, 2017).

4.3. Universiti Awam Malaysia

4.3.1. Sejarah dan Perkembangan

Universiti Malaya merupakan universiti pertama yang ditubuhkan pada tahun 1961 pasca kemerdekaan Tanah Melayu. Pada awal penubuhan, universiti awam berperanan melatih profesional dan birokrat untuk mengambil alih pentadbiran negara pasca kemerdekaan Tanah Melayu (Chang et al., 2020).

Pada tahun 1967, Jawatankuasa Perancangan Pengajian Tinggi Malaysia telah mengesyorkan penubuhan lebih banyak lagi universiti awam untuk negara yang baru ditubuhkan, membawa kepada penubuhan empat buah universiti awam antara 1969 dan awal 1970-an. Penubuhan lima universiti awam ini bertujuan untuk mempergiat peranan membina negara melalui pembangunan rakyat sebagai sumber tenaga kerja mahir yang sangat diperlukan dalam membangunkan sosial dan ekonomi negara yang baru merdeka (Chang & Morshidi, 2018a).

Dengan pengenalan Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud dalam kalangan pelbagai kumpulan etnik di Tanah Melayu, peranan universiti berubah apabila dipertanggungjawabkan tugas penting memperbaiki jurang perbezaan etnik melalui pembinaan kapasiti dan mobiliti sosial. Untuk memastikan pelaksanaan dasar, kerajaan telah mewujudkan lebih banyak universiti awam bertujuan untuk meningkatkan peluang penyertaan orang muda etnik Melayu ke universiti (Chang et al., 2015).

Neoliberalisme mula mempengaruhi dasar awam apabila Malaysia mula memperkenalkan dasar penswastan iaitu penyerahan entiti awam kepada syarikat swasta pada tahun 1983. Ideologi neoliberalisme turut memberi impak kepada dasar pendidikan tinggi dengan memperkenalkan pengurusan awam baharu yang memberi penekanan kepada kecekapan, akauntabiliti dan berasaskan prestasi (Chang & Morshidi, 2018b).

Berikutan terdapat rungutan berkaitan tadbir urus berpusat iaitu kekurangan autonomi dalam pengurusan kewangan, universiti awam telah dikorporatkan pada tahun 1998 melalui pindaan AUKU (Ka, 2010). Pengkorporatan bertujuan membebaskan universiti awam dari kerehnan birokrasi dan prosedur perkhidmatan awam yang rigid (Suharmi et al., 2019) supaya universiti lebih responsif dan produktif terhadap perubahan persekitaran disamping terus mengekalkan peranannya sebagai pusat kecemerlangan akademik (Anuwar, 1997).

Kesannya, majlis universiti yang menerajui pentadbiran universiti digantikan dengan lembaga pengarah. Ketua pegawai eksekutif bagi IPTA ialah naib canselor (atau rektor). Universiti awam dipantau oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jabatan Pengajian Tinggi dengan menghantar wakil jabatan di setiap lembaga pengarah universiti awam (Jabatan Perdana Menteri, 1998; Chang et al., 2020).

Bagi memastikan universiti awam kekal relevan dan selari dengan keperluan semasa, kerajaan mengambil pendekatan dasar mereformasi pendidikan tinggi bertujuan untuk meningkatkan sosial dan ekonomi negara (Sara Asmawati et al., 2017). Dalam hal ini, peranan universiti semakin bertambah apabila ditugaskan untuk menyediakan tenaga kerja tempatan dengan minda kelas pertama sebagai persediaan ke arah aspirasi negara berpendapatan maju dan mengembangkan penyelidikan dan inovasi untuk meningkatkan ekonomi berasaskan pengetahuan negara. Antara strategi kerajaan ialah mentransformasi institusi pendidikan tinggi dengan mewujudkan universiti *Accelerated Programme for Excellence* (APEX) bagi meningkatkan proses inovasi tempatan dan mentransformasi lima universiti awam ke status universiti penyelidikan dalam usaha menjadikan universiti awam bertaraf dunia.

4.3.2. Universiti Awam adalah Badan Berkanun: Implikasi dan Peranan

Universiti awam adalah termasuk di bawah kategori badan berkanun yang telah diperbadankan oleh undang-undang Persekutuan iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 sebagai akta tubuh atau akta induk (Fariza et al., 2013; Hasbollah & Ramalinggam, 2022). AUKU adalah perundangan utama yang mentadbir universiti awam di Malaysia khususnya berkaitan tadbir urus institusi, tahap autonomi dan hubungan antara kerajaan dan universiti (Chang, 2019). Terdapat 20 universiti awam, di mana 19 daripadanya ditubuhkan di bawah AUKU manakala Universiti Teknologi MARA ditubuhkan di bawah Akta Parlimennya sendiri.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] menakrifkan badan berkanun ialah mana-mana pertubuhan perbadanan tidak kira dengan nama apa ia dikenali yang diperbadankan menurut peruntukan undang-undang Persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Norzarina & Mariati, 2016). Badan-badan berkanun ditubuhkan merangkumi bidang (1) ekonomi, (2) perkhidmatan, (3) pendidikan, (4) infrastruktur, (5) kewangan dan (6) perniagaan (Ahmad Atory, 2001; Muhamad Ali, 2008).

Umumnya, badan berkanun ditubuhkan untuk melaksanakan dasar kerajaan dengan menyediakan operasi perkhidmatan, program dan aktiviti secara profesional dan berkesan (Fariza et al., 2013, Nurhidayah et al., 2019). Antara faktor lain penubuhan badan berkanun adalah untuk (1) memberi tumpuan khusus mencapai matlamat yang ditetapkan dengan lebih efektif, (2) mengelakkan birokrasi yang agak ketat dalam

jabatan-jabatan kerajaan dan (3) memberi perhatian dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan membuat keputusan dasar dengan lebih cepat dan berkesan agar matlamat dan sasaran tercapai seumpama firma swasta (Ahmad Atory, 2001). Penubuhan universiti sebagai badan berkanun persekutuan adalah kerana universiti merupakan gedung ilmu yang menjadi aset kritikal negara dan perlu bergerak pantas seiring dengan perkembangan dunia akademik antarabangsa (Fariza et al., 2013).

Seperti yang dikehendaki oleh perundangan pemerbadanan, setiap badan berkanun persekutuan diletakkan di bawah Kementerian, yang bertanggungjawab menjadi jentera kementerian berkenaan dalam menjalankan tugas dan memberi perkhidmatan kepada masyarakat (Nurhidayah et al., 2020). Badan berkanun persekutuan mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Universiti awam diletakkan dibawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Badan-badan berkanun diterajui oleh badan pengurus yang tersendiri seperti Lembaga, Majlis dan sebagainya yang mempunyai kuasa membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan (Fariza et al., 2013). Sebahagiannya bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri. Dari segi undang-undang, badan-badan berkanun ialah entiti awam yang mempunyai separa autonomi dalam membuat keputusan dengan pengecualian perkara yang berkaitan dengan belanjawan dan perbelanjaan awam (Chang & Morshidi, 2018b). Badan berkanun persekutuan dianggap sama seperti syarikat kerana mempunyai kuasa untuk mentadbir, menyaman dan didakwa atas namanya sendiri, menandatangani kontrak, memiliki, membeli dan memegang aset (Norzarina & Mariati, 2016).

Badan berkanun persekutuan perlu memenuhi tanggungjawab terhadap pihak-pihak berkepentingan melalui instrumen pelaporan bagi memastikan Badan berkanun Persekutuan dapat mengekalkan keseimbangan antara akauntabiliti awam dan tindakan autonomi (Norzarina & Mariati, 2016). Badan berkanun persekutuan dikehendaki menyediakan Penyata Kewangan dengan mematuhi Seksyen 16(1) daripada Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan (Norzarina & Mariati, 2016) sebagai instrumen utama untuk pihak berkepentingan mendapatkan maklumat sekaligus mengekalkan kepercayaan mereka terhadap organisasi (Asmah et al., 2014). Badan berkanun persekutuan menyerahkan penyata kewangan teraudit mereka kepada menteri masing-masing yang kemudiannya dibentangkan oleh menteri di Parlimen (Perbendaharaan Malaysia, 2021). Kerajaan memantau dan menilai hasil akauntabiliti agensi kerajaan termasuk badan berkanun persekutuan melalui Laporan Ketua Audit Negara dan penilaian melalui Indeks Penarafan Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbir Urus dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit [MAMPU]) (Nurhidayah et al., 2022).

Oleh kerana universiti awam sebagai badan berkanun menerima pembiayaan awam, universiti mesti bertanggungjawab untuk mengurus sumber tersebut melalui perancangan strategik dan pemantauan teliti untuk menarik minat dan perhatian ramai pihak berkepentingan melalui pnyediaan laporan kewangan yang diaudit setiap tahun, yang dimasukkan dalam laporan tahunan dan dibentangkan kepada Parlimen (Nor Farizal et al., 2023). Tindakan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti universiti awam melalui pelaporan diberi penekanan dalam perkara Lonjakan 5 iaitu kelestarian kewangan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025

(Pendidikan Tinggi) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Universiti awam mesti menyediakan laporan tahunan yang menggambarkan organisasi secara holistik demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan sistem pendidikan tinggi Malaysia (Nor Farizal et al., 2023). Dengan mendedahkan maklumat perakaunan dan kewangan mengikut rangka kerja dan garis panduan kawal selia yang standard membantu meningkatkan keterlihatan dan ketelusan sesebuah organisasi (Saida & Hasbaoui, 2024) termasuk universiti.

5. Perbincangan

Menerusi analisis kandungan artikel, karya dan laporan, hasil perbincangan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (1) peranan universiti awam sebagai badan berkanun dalam melaksanakan SDG 2030 dan (2) bagaimana universiti melaksanakan strategi kerajaan ke arah aspirasi SDG 2030 (lihat [Jadual 1](#)).

Jadual 1: Peranan dan Strategi Universiti dalam Melaksanakan SDG 2030

Universiti	Sebagai institusi pendidikan tinggi	Sebagai badan berkanun persekutuan
Peranan	Berperanan mengubah masyarakat dengan membangunkan sumber manusia yang akan menjadi 'pelaksana SDG' melalui aktiviti teras universiti iaitu (1) pendidikan, (2) penyelidikan, (3) jangkauan masyarakat dan (4) operasi	Berperanan menyokong dan melaksanakan dasar dan program kerajaan persekutuan melalui aktiviti universiti agar sejajar dengan agenda SDG 2030 negara
Strategi pelaksanaan	Transformasi universiti ke arah aspirasi pembangunan lestari khususnya SDG 2030 memerlukan elemen tadbir urus yang akan menyokong perubahan asas dalam semua aktiviti teras universiti	Menterjemah hasrat dan aspirasi SDG 2030 negara ke dalam perancangan dan pelan strategik kelestarian universiti Menerbitkan pelaporan kelestarian universiti mengikut ketetapan standard dan indikator khusus untuk dirangkumkan ke dalam <i>Malaysia Voluntary National Review</i> .
Pendekatan	pendekatan keseluruhan institusi (<i>whole of institution approach</i>)	pendekatan keseluruhan kerajaan (<i>whole of government approach</i>)

5.1. Peranan Universiti Awam sebagai Badan Berkanun dalam melaksanakan SDG 2030

Berdasarkan keterangan diatas, amatlah jelas perubahan peranan universiti awam amatlah didorong secara dalaman iaitu dasar-dasar kerajaan dan ini mencerminkan kedudukan universiti awam sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab memastikan dasar dan aktiviti universiti menyumbang ke arah pelaksanaan agenda nasional kerajaan. Turut diakui terdapat faktor luaran seperti globalisasi, pengantarabangsaan dan penarafan dunia yang menjadi pemangkin kepada perubahan besar institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

Dalam konteks pelaksanaan agenda SDG 2030 negara, universiti awam sebagai badan berkanun yang ditubuhkan untuk menyokong dan melaksanakan dasar dan program kerajaan persekutuan, mempunyai tanggungjawab memastikan bahawa dasar dan

aktiviti universiti sejajar dengan agenda SDG 2030 negara. Ini selaras dengan pendekatan kerajaan untuk meningkatkan pendekatan keseluruhan kerajaan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor awam untuk memacu transformasi perkhidmatan awam bagi mencetus anjakan pemikiran serta mengubah pendekatan dalam membangunkan negara. Keseluruhan kerajaan ditakrifkan sebagai pendekatan di mana agensi perkhidmatan awam bekerja merentasi sempadan portfolio untuk membangunkan dasar dan program bersepadu ke arah pencapaian matlamat yang sama (Ortenzi et al., 2022). Dalam konteks Malaysia, seluruh agensi perkhidmatan awam termasuklah universiti awam sebagai badan berkanun perlu digerakkan ke arah SDG 2030.

Peranan badan berkanun dalam menangani isu kelestarian adalah kritikal kerana badan ini menjadi contoh kepada komuniti perniagaan dan pasaran secara keseluruhan dalam melaksana agenda nasional kerajaan (Redvin et al., 2016). Dalam konteks ini, peranan universiti awam sebagai badan berkanun dalam melaksana SDG 2030 juga kritikal kerana status universiti sebagai pusat keilmuan dan penyelidikan inovasi berpotensi menjadi *living lab* dalam usaha menterjemah agenda SDG 2030 negara dalam bentuk yang praktikal dan menjadi *role model* kepada masyarakat keseluruhan.

Universiti sebagai insituti pendidikan diharapkan dapat berperanan lebih aktif dalam membangunkan sumber manusia yang akan menjadi 'pelaksana SDG' yang menyumbang kepada pencapaian SDG 2030. Antara peranan kritikal universiti ialah membangunkan proses pemikiran analitik, orientasi pemikiran kritis dan visi yang jelas untuk menyediakan pekerja dan pemimpin kerja masa depan, ikon masyarakat, dan warganegara yang berpengetahuan (Hussain et al., 2019).

